




**E-RAMADHAN TALK SERIES**

# **KEHEBATAN AL-FATIHAH: RAIH BERKATNYA, KEJAR PAHALANYA**

USTAZAH NOR HAFIZAH BINTI HAJI JAHARI  
USTAZ ADLAN AZIZ BIN HAJI YUSSOP  
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH





## ISI KANDUNGAN

01

PENGENALAN SURAH AL-FATIHAH

02

NAMA LAIN SURAH AL-FATIHAH

03

KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

04

KESALAHAN- KESALAHAN YANG SERING  
BERLAKU DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH



# سورة الفاتحة

(PEMBUKAAN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ٣ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥

الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ

عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

وَلَا الضَّالِّينَ ٧



# PENGENALAN SURAH AL-FATIAH

1

Mengandung 7 ayat

2

Surah Makiyyah:  
iaitu surah yang diturunkan sebelum nabi berhijrah ke Madinah.

3

Mewakili seluruh makna Al-Quran (30 juzuk)

4

Hadiah paling istimewa dari Allah



# NAMA LAIN SURAH AL-FATIHAH

- Bermaksud pembuka Al-Quran.
- Kerana surah ini merupakan pembuka kepada isi kandungan Al-Quran dan surah yang berada di awal Al-Quran.

**UMMUL  
QURAN**

- Mengandungi intisari makna-makna (skop perbincangan) yang ada dalam Al-Quran (ibadah, aqidah dan cara hidup)
- Mengenal Allah, nama-nama Allah, sifat-sifat-Nya, pujian kepada-Nya, perintah beribadah kepada-Nya dan memohon pertolongan hanya kepada-Nya.

**AL-  
FATIHAH**

**SAB'UL  
MATHANI**

- Bermaksud tujuh yang diulang-ulang.
- Surah dalam Al-Quran yang berjumlah 7 ayat dan diulang-ulang dalam setiap raka'at solat.

**AL-SYAFI**

- Bermaksud penyembuh kerana memiliki keutamaan penyembuh segala penyakit.

# KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

- Memulakan sesuatu dalam hidup ini dengan menyebut nama Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap urusan dengan niat memohon pertolongan daripada-Nya kerana Allah bersifat Maha Perkasa terhadap setiap sesuatu.
- Setiap perkara yang kita mahu lakukan perlu dimulakan dengan kalimah basmalah agar tidak terputus keberkatannya.
- Allah Subhanahu Wata'ala mendidik Nabi Muhammad agar melakukan segala pekerjaan dengan dimulai dengan nama-nama-Nya yang mulia.



# KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

2

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ

Segala puji bagi Allah, Tuhan alam semesta

- Disebutkan 68 kali dalam Al-Quran.
- Perasaan memuji Allah Subhanahu Wata'ala adalah satu rasa istimewa yang memenuhi hati seorang mukmin apabila menyebutnya.
- Apabila mendapat sesuatu nikmat, sebutlah: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ agar bilamana orang lain mendapat nikmat yang lebih, kita tidak akan merasa dengki.
- Adapun jika kita diuji dengan musibah, yakinlah Allah Subhanahu Wata'ala Maha Penyayang. Kerana masih banyak nikmat lain yang harus disyukuri, satu nikmat ditarik akan tetap diganti dengan nikmat-nikmat yang lain pula.
- Sentiasa menjadi hamba yang sentiasa berterima kasih kepada Allah dalam apa jua situasi dan menjadikan kita sebagai hamba yang bersyukur.



# KUPASAN SURAH AL-FATIAH

3



الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

- Sifat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Esa, di dalamnya terkandung sifat-sifat Allah Subhanahu Wata'ala yang lain.
- Al-Rahman adalah sifat Allah kepada semua makhluk di muka bumi, termasuk mereka yang kufur atau ingkar untuk tunduk kepada perintah-Nya.
- Manakala Al-Rahim adalah sifat Allah yang dikhususkan kepada mereka yang beriman dan taat kepada perintah-Nya.



# KUPASAN SURAH AL-FATIAH

4



مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Yang Menguasai di Hari Pembalasan

- Apa sahaja perbuatan yang dilakukan mestilah dapat membawa kita kepada tujuan hari akhirat.
- Setiap perkara yang dibuat hanyalah untuk Allah Subhanahu Wata'ala untuk mencari kebahagiaan hidup yang lebih sempurna di akhirat nanti, kerana jika tidak, maka setiap apa pun yang dilakukan hanyalah sia-sia.



# KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

5



إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

**Hanya Engkau yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami meminta pertolongan**

- Tidak ada ibadah kecuali ditujukan semata-mata kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan tidak ada *isti'annah* (memohon pertolongan) kecuali kepada Allah sahaja.
- Tujuan hidup kita adalah untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Namun kita tidak akan dapat capai tujuan ini tanpa pertolongan-Nya kerana kita insan yang lemah.
- Jangan merasa kita kuat beribadah disebabkan kehebatan diri. Tapi ia adalah taufiq daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita.



# KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

6

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

**Pimpinlah kami ke jalan yang lurus**

- Merupakan doa yang dipanjatkan setelah hamba-Nya mempersembahkan segala pujian kepada Allah (ayat 1-4). Diikuti dengan pengiktirafan rasa kehambaan dalam beribadah (ayat ke 5).
- Ayat 6-7 adalah akuan permohonan kepada Allah agar dapat bimbingan.
- Kita masih memerlukan hidayah dan taufik daripada Allah kerana orang yang bahagia adalah mereka yang diberi Taufiq oleh Allah untuk memohon kepada-Nya.
- Kita bukan hanya meminta agar ditunjukkan jalan sahaja, tetapi kita mahu Allah 'pimpin' kita hingga ke syurga.



# KUPASAN SURAH AL-FATIHAH

7

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

**laitu jalan orang-orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat**

- Melalui ayat ini, Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita untuk membandingkan jalan itu dengan jalan orang dahulu yang telah selamat dan telah mendapat pujian daripada Allah Subhanahu WaTa'ala dlm ayat ini.
- Orang yang diberikan nikmat oleh Allah, disebutkan dalam firman-Nya yang bermaksud: ***“ Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahkan nikmat oleh Allah, iaitu para Nabi, para siddiqin, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang soleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya, Semua itu adalah kurnia dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui”*** (An-Nisa: 69-70).

# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan menyebut nama Allah  
Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maha Pemurah lagi Maha  
Penyayang

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	بِسْمِ	Membaca: (Bis)	(Bes)
2	بِسْمِ	Membaca: (Bismi)	(Bisse): Tidak mematkan huruf sin (س) sehingga terdengar seperti <i>golqolah</i> (pantulan)
3	الرَّحْمَنِ	Membaca: (rah) dengan huruf Ha (ح)	(rah): dengan huruf Ha (ه)
4	الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ	Membaca dengan <i>tasydid</i> (sabdu) huruf (ر) (penekanan suara): (rah manirrahim)	(rah manirahim): tidak menjelaskan <i>tasydid</i> (sabdu) huruf Ra dan tiada penekanan suara
5	الرَّحِيمِ	Membaca: (Him)	(Hem)



# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

2

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Segala puji bagi Allah, Tuhan alam semesta

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	أَلْحَمْدُ	Membaca: (Al hamdu)	(Ale Hamdu): Tidak mematikan huruf Lam (ل) sehingga terdengar seperti <i>qolqolah</i> (pantulan)
2	أَلْحَمْدُ	Membaca: (hamdu) dengan huruf Ha (ح)	(Hamdu): dengan huruf Ha (ه)
3	أَلْعَالَمِينَ	Membaca: (A'lamin) dengan huruf Ain (ع)	(Aalamin): dengan huruf Alif (ا)



# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

3

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Yang Menguasai di Hari Pembalasan

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	مَلِكِ	Membaca: (Maaliki) dengan memanjangkan mad	Membaca: (Maliki) dengan memendekkan mad



# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

4

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya Engkau yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami meminta pertolongan

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	إِيَّاكَ وَإِيَّاكَ	Membaca dengan <i>tasydid</i> (sabdu) huruf Ya (ي) (penekanan suara): (iyyaka) (waiyyaka)	(iyaka) (waiyaka): tidak menjelaskan <i>tasydid</i> (sabdu) huruf Ya (ي) dan tiada penekanan suara.
2	نَعْبُدُ	Membaca: (na'budu) dengan huruf Ain (ع).	Membaca: (Nakbudu) dengan huruf Hamzah (ء) atau Kaf / Qof (ك/ق).
3	نَسْتَعِينُ	Membaca: (nas) dengan huruf Sin (س) huruf nipis z	Membaca: (nos) dengan menebalkan huruf Sin (س) sehingga menjadi huruf Sod (ص).
4	نَسْتَعِينُ	Membaca dengan huruf Ta (ت) huruf nipis.	Membaca dengan menebalkan huruf Ta (ت) sehingga menjadi huruf Tho (ط).



# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

5

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Pimpinlah kami ke jalan yang lurus

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	أَهْدِنَا	Membaca: (Ihdina)	Membaca: (Ehdina)
2	الصِّرَاطَ	Membaca dengan huruf Sod (ص) huruf tebal.	Membaca dengan menipiskan huruf Sod (ص) sehingga menjadi huruf Sin (س).
3	الْمُسْتَقِيمَ	Membaca: (mus) dengan huruf Sin (س) huruf nipis.	Membaca: (mus) dengan menebalkan huruf Sin (س) sehingga menjadi huruf Sod (ص).
4	الْمُسْتَقِيمَ	Membaca dengan huruf Ta (ت) huruf nipis.	Membaca dengan menebalkan huruf Ta (ت) sehingga menjadi huruf Tho (ط).

# KESALAHAN-KESALAHAN YANG SERING TERJADI DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

6

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

laitu jalan orang-orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat

	KALIMAH	BACAAN YANG BETUL	KESALAHAN
1	صِرَاطَ	Membaca dengan huruf Sod (ص) huruf tebal.	Membaca dengan menipiskan huruf Sod (ص) sehingga menjadi huruf Sin (س).
2	أَنْعَمْتَ	Membaca dengan menjelaskan huruf Nun (ن)	Tidak mematikan huruf nun (ن) sehingga terdengar seperti <i>qolqolah</i> (pantulan)
3	غَيْرِ الْمَغْضُوبِ	Membaca dengan menebalkan huruf Ghain (غ).	Sebutan huruf Ghain (غ) yang tidak tepat.
4	وَلَا الضَّالِّينَ	Membaca dengan menebalkan huruf Dhad (ض).	Sebutan huruf Dhad (ض) yang tidak tepat.



**TERIMA KASIH  
SEMOGA BERMANFAAT!**

